

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Perintah Tahan Pelepasan (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat ke atas FGV Holdings Berhad memberi kesan kepada peneroka FELDA dan apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan isu ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perintah Tahan Pelepasan (WRO) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat ke atas FGV Holdings Berhad (FGV) telah menyebabkan produk sawit yang dikeluarkan oleh FGV dan anak syarikat serta syarikat usahasama FGV tidak dapat dieksport ke Amerika Syarikat. Namun demikian, larangan eksport tersebut tidak memberi implikasi besar kepada FGV dan peneroka FELDA kerana jumlah eksport minyak dan produk sawit ke Amerika Syarikat adalah kecil iaitu kurang 0.1% daripada jumlah eksport FGV.
2. Walau bagaimanapun, Kerajaan dan FELDA memandang serius isu pengeluaran WRO oleh CBP yang memberi kesan negatif terhadap reputasi FGV dan boleh menyebabkan kesan susulan (*ripple effect*) yang menjelaskan kebolehpasaran produk FGV di luar pasaran Amerika Syarikat. Pengeluaran WRO ini juga dikhuatiri akan menyebabkan negara lain turut mengambil tindakan serupa dengan mengadakan siasatan ke atas FGV yang seterusnya mampu mendedahkan FGV kepada risiko sekatan pasaran penjualan minyak dan produk sawit FGV. Sekiranya perkara ini berlaku, iaanya akan memberi kesan kepada peneroka FELDA apabila FGV terpaksa mengurangkan pembelian buah sawit daripada peneroka FELDA disebabkan sekatan kebolehpasaran produk sawit FGV.
3. Bagi menangani perkara ini, FGV sedang mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang telah disyorkan oleh CBP termasuk melantik juru audit bebas bagi menjalankan penilaian ke atas operasi FGV. Penilaian ini bagi menentukan sama ada terdapat amalan penggunaan buruh paksa seperitimana mengikut definisi oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO. Penilaian ini dibuat dalam

keseluruhan rantaian bekalan buah tandan segar (BTS) termasuk daripada tanah rancangan FELDA.

4. FGV sedang mempertimbangkan kertas cadangan dan tawaran daripada beberapa juruaudit bebas dan akan membuat lantikan pada dalam tempoh terdekat. Selepas penilaian oleh juruaudit bebas selesai, FGV akan mengemukakan laporan lengkap berserta cadangan pemulihan kepada CBP untuk pertimbangan penarikan balik WRO yang dikeluarkan.
5. Pada masa yang sama, FGV sedang giat melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi menambah baik amalan perburuhan di ladang-ladang kelapa sawit FGV. Ini termasuk program kerjasama bersama *Fair Labor Association* (FLA) yang merangkumi pelbagai aspek amalan buruh antaranya penambahbaikan proses pengambilan pekerja asing, pengukuhan program latihan hak asasi manusia untuk pekerja-pekerja ladang, pengukuhan mekanisme aduan serta pemantapan sistem pemantauan kepatuhan terhadap piawaian perburuhan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Kerajaan Amerika Syarikat melalui Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) pada 30 September 2020 telah mengeluarkan Perintah Pelepasan Tahan atau Withhold Release Order (WRO) yang menyekat pengimportan minyak dan produk sawit keluaran FGV Holdings Berhad (FGV) ke Amerika Syarikat. Perintah tersebut dikeluarkan susulan siasatan CBP ke atas petisyen yang difaiklan oleh firma berkaitan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), Grant & Eisenhofer Institute ESG pada Jun 2019 dan beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk Liberty Shared (LS) pada Ogos 2019. Dalam petisyen tersebut, FGV didakwa menggunakan buruh paksa dan buruh kanak-kanak dalam proses pengeluaran minyak sawit. Selain daripada FGV, Sime Darby Plantation Berhad (Sime Darby) turut menerima perintah yang sama pada 30 Disember 2020.
2. LS merupakan salah satu daripada NGO yang membuat siasatan ke atas FGV. LS merupakan NGO anti pemerdagangan manusia yang berpusat di Hong Kong. Objektif LS adalah menangani isu perhambaan dan pemerdagangan manusia dengan fokus di kawasan Asia Timur dan Tenggara. Menurut LS, hasil temuramah ke atas pekerja ladang milik FGV dan Sime Darby mendapati wujudnya penggunaan buruh paksa sepetimana yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Kandungan temu ramah tersebut telah dikemukakan kepada CBP bagi menyokong petisyen yang difaikannya yang membawa kepada pengeluaran WRO ke atas kedua-dua syarikat terbabit.
3. Susulan siasatan yang dibuat, LS telah mengemukakan beberapa cadangan penambahaikan bagi menangani isu yang dibangkitkan antaranya seperti berikut:
 - (i) syarikat perladangan berkaitan perlu membangunkan dan melaksanakan kerangka kerja tadbir urus korporat dan kawalan dalaman untuk memastikan pengurus ladang dan

pengurus pekerja bertanggungjawab ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan berkaitan;

(ii) pekerja asing perlu diberikan faedah antaranya seperti berikut:

- akses kepada pasport (hanya kepada pemilik pasport sahaja);
- tempat tinggal yang dilengkapi dokumen yang memaparkan kontrak pekerja dalam pelbagai bahasa bagi mengelakkan perlakuan atau manipulasi kontrak;
- penjelasan ke atas kandungan kontrak pekerjaan bagi setiap pekerja baharu;
- penyata pendapatan pekerja yang memaparkan dengan jelas jumlah pendapatan dan potongan yang dibuat serta difahami dan dipersetujui kedua-dua belah pihak; dan
- peralatan pelindung diri diberikan percuma dan mencukupi untuk semua pekerja.

(iii) mewujudkan mekanisme aduan rasmi yang telus, boleh diaudit dan mudah diakses; dan

(iv) mewujudkan kesatuan sekerja yang dikuasai oleh pekerja, bukannya pengurusan.

4. Selain daripada FGV dan Sime Darby, 2 syarikat pengeluar sarung tangan getah Malaysia iaitu WRP Asia Pacific Sdn. Bhd. (WRP) dan Top Glove Corp Bhd. (Top Glove) turut dikeluarkan perintah yang sama masing-masing pada Oktober 2019 dan Julai 2020, atas dakwaan menggunakan buruh paksa. Larangan ke atas WRP telah ditarik balik pada Mac 2020. Bagi Top Glove pula, pengeluaran perintah tersebut telah menyebabkan rampasan dibuat ke atas eksport produk sarung tangan keluarannya di beberapa pelabuhan masuk utama Amerika Syarikat. Top Glove telah mengambil tindakan

menangani isu yang dibangkitkan CBP termasuk dakwaan penggunaan buruh paksa. Sehingga Jun 2021, Top Glove sedang menunggu pengesahan daripada CBP ke atas tindakan pemulihan yang telah diambilnya.

5. Sekatan import minyak dan produk sawit keluaran FGV akan memberi kesan kepada FELDA yang melibatkan 112,368 orang peneroka serta kira-kira 2 juta orang warga FELDA di 317 tanah rancangan FELDA seluruh negara. Ini kerana FELDA memiliki lebih daripada 81% saham FGV dan hampir 2/3 daripada buah tandan segar yang diproses FGV datangnya daripada ladang peneroka FELDA.
6. Pengeluaran WRO ke atas FGV tidak memberi implikasi besar ke atas prestasi kewangan dan operasinya kerana jumlah eksport minyak dan produk sawit ke Amerika Syarikat adalah kecil. Maklumat jumlah eksport, nilai eksport dan peratusan daripada jumlah eksport berkaitan seperti berikut:

Tahun	Jumlah Eksport Minyak dan Produk Sawit ke Amerika Syarikat	Nilai Eksport	Peratusan Eksport Daripada Jumlah Keseluruhan
2016	290 tan metrik	RM1.1 juta	0.6%
2017 – 2019	Tiada eksport ke Amerika Syarikat		
2020	39 tan metrik	RM116 ribu	0.1%

7. Walau bagaimanapun, pengeluaran arahan tersebut masih memberi impak ke atas kerjasama FGV dengan beberapa syarikat produk pengguna yang mempunyai pasaran di Amerika Syarikat seperti Procter & Gamble Company serta pelabur-pelabur FGV yang lain. Pengeluaran WRO tersebut juga dikhuatiri akan:
 - (i) memberi kesan susulan (*ripple effect*) dan menjaskan kebolehpasaran produk FGV di luar pasaran Amerika Syarikat dan segmen produk hiliran; dan

- (ii) menyebabkan negara lain turut mengambil tindakan serupa dengan mengadakan siasatan ke atas FGV dan seterusnya mendedahkan FGV kepada risiko sekatan penjualan minyak dan produk sawitnya.
- 8. FGV telah mengemukakan pelbagai dokumen dan maklumat kepada CBP bagi menjawab tuduhan yang dikemukakan. Pihak CBP juga dimaklumkan bahawa FGV amat serius dan sentiasa komited dalam usaha berterusan meningkatkan tahap kebajikan pekerja termasuk pekerja asing serta hak asasi manusia. Sebagai syarikat tersenarai, FGV tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pelanggaran hak asasi manusia atau kesalahan jenayah dalam operasinya.
- 9. Antara usaha berterusan FGV dalam meningkatkan tahap kebajikan pekerja ladangnya adalah seperti berikut:
 - (i) menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pekerja Asing yang memberi tumpuan terhadap penambahbaikan berterusan kemudahan infrastruktur antaranya menaik taraf perumahan pekerja, meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan, menaik taraf kemudahan bekalan air dan elektrik, melaksanakan sistem e-Dompet untuk pembayaran gaji yang lebih mudah dan transaksi tanpa tunai, serta menubuhkan kedai mudah alih untuk menyediakan akses kepada bekalan makanan segar;
 - (ii) menambah baik prosedur dan proses pengambilan pekerja asing antaranya melalui penubuhan 4 pusat sehenti di Malaysia dan di negara sumber seperti di India dan Indonesia. Pusat ini antara lain bertindak sebagai pusat orientasi dan memberi penerangan kepada pekerja asing mengenai pelbagai perkara termasuk syarat pekerjaan, skop pekerjaan, hak dan tanggung jawab, serta faedah dan kelayakan;
 - (iii) mengambil pekerja asing hanya daripada negara India dan Indonesia menerusi proses serta saluran yang sah, diperakui dan diluluskan oleh pihak berkuasa Malaysia dan negara

sumber. Sehingga Oktober 2021, FGV mempunyai 11,286 orang pekerja Indonesia dan 4,683 pekerja India yang juga mewakili 89% daripada tenaga kerja asing di ladang-ladang FGV;

- (iv) menetapkan prosedur dan garis panduan pengambilan pekerja selaras dengan standard antarabangsa. Antara perkara dinyatakan dalam garis panduan ini adalah semua kos berkaitan termasuk pengambilan pekerja asing termasuk permit kerja, visa, pemeriksaan kesihatan dan insurans ditanggung oleh FGV, bukan pekerja terbabit;
- (v) menyediakan 32,250 peti simpanan passport sebagai pilihan kepada pekerja asing untuk menyimpan passport mereka dengan selamat;
- (vi) menanggung perbelanjaan tahunan rawatan pesakit luar untuk pekerja asing selain peruntukan tanpa had untuk rawatan di hospital;
- (vii) menerapkan kod tatalaku dan amalan pembekal yang menggariskan prinsip dan standard tertentu melibatkan kelestarian, etika dan integriti perniagaan, keselamatan, kesihatan dan pekerjaan serta buruh yang perlu dipatuhi oleh pembekal dan vendor; dan
- (viii) menjadi ahli dalam *Fair Labor Assosiation* (FLA). FLA merupakan organisasi antarabangsa beribu pejabat di Amerika Syarikat yang mengumpulkan pihak berkepentingan termasuk masyarakat sivil, ahli akademik dan badan antarabangsa. Organisasi ini bermatlamatkan melindungi hak pekerja di seluruh dunia. Menerusi rundingan khidmat nasihat dengan FLA, FGV telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkuatkan amalan perburuhan seperti proses pengambilan, program latihan hak asasi manusia, persekitaran kerja dan tempat tinggal di samping mekanisma aduan.

10. FGV sedang dalam proses melantik juruaudit bebas untuk menjalankan penilaian operasi berdasarkan 11 petunjuk ILO berkaitan buruh paksa, sepetimana dinasihatkan CBP. FGV kini sedang mempertimbangkan kertas cadangan dan tawaran daripada beberapa juruaudit bebas dan akan membuat lantikan dalam tempoh terdekat. Selepas penilaian oleh juruaudit bebas, FGV akan mengemukakan laporan berserta cadangan pemulihan untuk pertimbangan CBP.
11. CBP mempunyai polisi untuk tidak mendedahkan maklumat mengenai siasatan mereka. Cubaan Kerajaan untuk mendapatkan penjelasan melalui saluran diplomatik juga ditolak atas alasan perkara tersebut merupakan '*a US Government agency to a business entity*'. Campur tangan Kerajaan dalam perkara ini dikhuatiri akan mengakibatkan implikasi lebih buruk kepada syarikat-syarikat yang dikenakan WRO tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyarankan syarikat-syarikat terbabit supaya mengambil tindakan antaranya seperti berikut:
 - (i) berhubung terus dengan pihak CBP bagi mengemukakan dokumen sokongan berkaitan termasuklah dokumen pengesahan keadaan pekerja asing di ladang-ladang milik mereka;
 - (ii) melantik perunding atau peguam di Amerika Syarikat untuk mengadakan rundingan dengan CBP; dan
 - (iii) mengadakan kerjasama dengan NGO-NGO hak asasi manusia atau pekerja asing bagi membentuk profail syarikat yang diiktiraf melindungi pekerja asing.
12. Pada masa sekarang, Kerajaan mengambil langkah proaktif dengan membantu syarikat-syarikat perladangan negara menambah baik aspek hak pekerja melalui sistem perundangan, penguatkuasaan dan polisi buruh. Selain itu, syarikat terbabit dibantu bagi menambah baik operasi perladangan bagi mengelakkan wujudnya elemen buruh paksa.

13. Kerajaan juga pada November 2020 telah menyerahkan laporan situasi buruh di sektor perladangan (*The Employment Survey in Oil Palm Plantations, Malaysia 2018*) kepada Jabatan Buruh Amerika Syarikat (DOL). Laporan tersebut dikemukakan bagi memberi maklumat tepat bagi menangkis dakwaan beberapa pihak mengenai penggunaan buruh paksa atau buruh kanak-kanak yang melanggar peraturan antarabangsa. Laporan tersebut yang boleh diakses oleh orang awam membuktikan keseriusan Malaysia dalam menangani isu-isu berkaitan pekerja asing di ladang.
14. Selain itu, usaha-usaha lain yang sedang dilaksanakan oleh MPIC antaranya seperti berikut:
 - (i) bersama-sama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengadakan jelajah bertemu dengan syarikat-syarikat perladangan kelapa sawit termasuk pekebun-pekebun kecil bagi menerangkan mengenai keperluan pematuhan peraturan berkaitan pekerja ladang terutamanya pekerja asing. Maklumat-maklumat yang disampaikan merupakan hasil kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO); dan
 - (ii) mempergiatkan promosi pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi memastikan pemain industri menerapkan amalan lestari dalam pengeluran minyak sawit termasuk dalam aspek kebajikan pekerja ladang dan kilang pengeluaran. Ianya juga selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030. Sehingga kini, lebih 90% ladang kelapa sawit seluruh negara telah mendapat pensijilan MSPO.
15. Pihak MPOB di Washington DC juga sedang berusaha mengadakan pertemuan dengan CBP bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan WRO.

NO SOALAN : 12

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penlong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa
Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 013-346 6939